

RUMAH PENDUDUK DI MASUKI AIR

Oleh: Nur Natasha Izati Mazlan

MELAKA: Kejadian air melimpah keluar ke jalan raya menyebabkan kawasan perumahan penduduk Taman Sri Aman dimasuki air apabila hujan lebat.

Keadaan permukaan yang tidak rata dan berbukit di Taman Sri Aman menyebabkan saluran air mengalir turun dengan laju dan deras. Taman ini mempunyai 4 zon tetapi kawasan zon 4 kebanyakan berada di kawasan bukit yang rendah.

Pengerusi Jawatankuasa Persatuan Keselamatan Kampung (JPKK) Sri Aman, Ismail Samid berkata, zon 4 iaitu jalan 34 hingga 38 merupakan tempat laluan utama air mengalir ke saluran parit jalan 5 dan ini merupakan kawasan yang biasa dilanda banjir.


Taman ini mempunyai sebuah taman perumahan baru iaitu Taman Lagenda Sri Aman yang berada di hujung taman, parit utama Taman Lagenda ini menuju ke arah bawah Taman Sri Aman yang melibatkan jalan 30 dan 31 juga dilanda banjir tetapi selepas kerja membaiki pulih keadaan parit, masalah tidak timbul.



Parit Taman Lagenda Sri Aman

Bagaimanapun, apabila aliran air di parit itu terlalu deras dan saluran parit di jalan 5 adalah kecil berbanding saluran parit di jalan lain yang menyebabkan air melimpah dan memasuki dalam rumah penduduk taman.

Ismail berkata, penduduk di jalan 35 terpaksa menghadapi banjir sebanyak dua kali tahun ini disebabkan atas kesilapan seorang tuan rumah yang menutup saluran parit berhampiran rumahnya.



Rumah jalan 35 di masuki air

Penduduk Taman Sri Aman sangat beruntung kerana taman itu mempunyai dua saluran iaitu pertama di Japerun dan kedua di Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) kerana taman ini di bawah pengawasan MPAG.

Berkemungkinan Taman Sri Aman mendapat peruntukan pada tahun 2021 untuk memperbaharui parit di jalan 38 agar diperbesarkan lalu dijadikan dua parit iaitu di jalan 36 dan 38.